

11/08/1998

Perdagangan sesama Asean perlu ditingkat

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Asean menggandakan usaha bagi meningkatkan perdagangan sesama mereka dan menggalakkan penggunaan mata wang tempatan dalam perdagangan serantau bagi mengatasi kegawatan ekonomi.

Berucap pada majlis makan malam rasmi bagi meraikan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao (Laos), Sisavath Keobounphanh, Dr Mahathir berkata, adalah malang krisis ekonomi yang membelenggu rantau ini berpanjangan dan membabitkan semua negara Asean.

Mengenai hubungan dua hala Malaysia-Laos, Perdana Menteri berkata, walaupun hubungan kedua-dua negara berada pada landasan yang betul, perdagangan dua hala masih kecil.

"Saya percaya masih banyak ruang untuk meningkatkan perdagangan dua hala berikutan adanya potensi besar dan barangan perdagangan yang banyak, yang boleh diniagakan di antara kedua-dua negara.

"Keanggotaan Laos ke dalam Asean menjadikan hubungan kedua-dua negara lebih kukuh, terutama kerjasama perdagangan dan ekonomi," katanya.

Perdana Menteri turut melahirkan kegembiraannya kerana pembabitan aktif sektor swasta Malaysia dalam pembangunan ekonomi Laos.

Malaysia adalah pelabur kelima terbesar di republik itu dengan nilai pelaburannya dalam 18 projek melebihi RM1 bilion.

Kebanyakan pelaburan Malaysia bertumpu dalam sektor pembinaan jalan raya dan bangunan, perbankan dan industri perkhidmatan.

"Sektor swasta Malaysia melalui pembabitan bertahun-tahun, sudah menimba banyak kepakaran dalam projek pelaburan di luar negara.

"Selaras dengan semangat Asean dan Kerjasama Selatan-Selatan, Malaysia bersedia berkongsi pengalaman pembangunan dan pengetahuan teknikal dengan Laos dalam usaha pembangunan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, hubungan erat Malaysia-Laos dibuktikan melalui beberapa perjanjian yang ditandatangani oleh kedua-dua negara seperti Perjanjian Jaminan Pelaburan Dua Hala; Perjanjian Perkhidmatan Udara; Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Saintifik dan Teknikal; Perjanjian Pembayaran Dua Hala; dan perjanjian persefahaman dalam bidang kerjasama tenaga.

Beliau berharap, dengan termeterainya dua lagi perjanjian esok - Perjanjian Perdagangan Dua Hala dan Perjanjian Kerjasama Pelancongan - hubungan ekonomi dan perdagangan kedua-dua negara akan meningkat.

Dalam hubungan serantau pula, Dr Mahathir berkata, sejak menyertai Asean, Laos sudah membabitkan diri dengan penuh minat dalam aktiviti Asean dan mengutarakan cadangan membina ke arah memperkukuhkan kerjasama antara negara anggota.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Laos, berkongsi pandangan yang agak serupa dalam banyak isu antarabangsa membabitkan kepentingan bersama.

Pada peringkat antarabangsa, Malaysia berusaha memberi sumbangan yang membina melalui pembabitan aktif dalam banyak pertubuhan antarabangsa, termasuk Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali.

"Saya juga kagum dengan peranan yang dimainkan Laos dalam memupuk suasana aman dan kerjasama dalam pembangunan rantau kecil Mekong, yang bertujuan mengubah kawasan itu untuk dikongsi bersama kemajuan dan kekayaannya.

"Usaha itu juga bertujuan mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan

kualiti hidup rakyat di situ," katanya.  
(END)